



**MODUL PENINGKATAN TINGKATAN 5
TAHUN 2014
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**MODUL 1
PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Bersama dengan kertas soalan ini tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:*

<i>Buku Tunai</i>	<i>1 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>1 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>2 helai</i>
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
7. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan*

Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** soalan

1(a) Nyatakan butiran berikut sama ada **aset, liabiliti** atau **ekuiti pemilik**.

- i) Tunai di tangan
 - ii) Sewa belum bayar
- [2 markah]

(b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga di bawah.

Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Mengambil barang niaga untuk didermakan kepada anak yatim.		

[2 markah]

(c) Urus niaga berikut diperoleh daripada buku kilang memproses Mee Lazat.

2014		RM
Mac 26	Membeli almari daripada Kedai Perabot Kuat secara kredit.	3 500

Rekodkan perkara berikut dalam Jurnal Am mengikut format di bawah.

(keterangan tidak diperlukan)

Tarikh	Butir	Debit	Kredit

[2 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan data gaji Encik Ashraf.

	RM
Gaji pokok	4 500
Elaun kerja lebih masa	750
Elaun perjalanan	300
Potongan cukai berjadual	90

Kadar caruman pekerja kepada KWSP 11 % dan caruman majikan 12% atas gaji pokok.

Hitung:

- (i) Jumlah caruman KWSP bahagian pekerja. [1 markah]
- (ii) Gaji bersih Encik Ashraf. [1 markah]

(e) Maklumat yang berikut diperolehi daripada Perniagaan Berani pada 31 Disember 2013.

	RM
Jualan	42 000
Pulangan jualan	2 000
Kos jualan	24 000

Hitung peratus untung kasar atas jualan.

[2 markah]

- 2 Cik Husna ialah pemillik Husna Enterprise yang beroperasi di Merbok, Sungai Petani, Kedah. Berikut ialah Imbangan duga perniagaannya:

Imbangan Duga pada 30 April 2014		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Mei 2013		155 000
Ambilan	12 000	
Pulangan-pulangan	450	1 102
Pinjaman bank (5% setahun)		10 000
Faedah atas pinjaman	400	
Belian dan jualan	82 800	185 880
Penghutang dan pemiutang	29 900	4 067
Alat tulis	2 365	
Bank	76 155	
Tunai runcit	896	
Komisen		760
Hutang lapuk	500	
Peruntukan hutang ragu		363
Gaji	18 000	
Diskaun diberi	570	
Perabot (kos)	38 750	
Kenderaan (kos)	80 000	
Angkutan masuk	1 000	
Stok pada 1 Mei 2013	14 397	
Kadar bayaran	1 489	
Insurans	2 100	
Sewa	10 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		11 100
Susut nilai terkumpul perabot		3 500
	371 772	371 772

Maklumat tambahan:

- i Stok pada 30 April 2014 berjumlah RM12 560 mengikut harga kos dan RM14 500 mengikut harga pasaran.
- ii. Pinjaman RM10 000 dikenakan faedah 5% setahun dan pinjaman tersebut dijangka dapat dijelaskan sepenuhnya pada 30 April 2014.
- iii. Kadar bayaran belum bayar RM245.

- iv. Komisen terakru RM3 600.
- v. Pada 30 April 2014, seorang penghutang didapati telah mufliis dan hutang RM1 000 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan.
- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas penghutang bersih.
- vii. Sebuah rak pameran RM2 000 yang dibeli pada 1 Mei 2013 telah tersalah rekod dalam Akaun Belian. Kesilapan ini belum dibetulkan.
- viii. Kadar susut nilai:
 - Perabot 20% setahun atas kos.
 - Kenderaan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan;

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2014. [15 markah]
- b) Kunci Kira-kira pada 30 April 2014. (tunjukkan modal kerja) [10 markah]

- 3 Encik Ally dan Encik Baba ialah pemilik Perkongsian Allba. Mereka bersetuju berkongsi untung atau rugi perkongsian mengikut nisbah 3:1. Pada 31 Oktober 2013, mereka ingin membubarkan perkongsian mereka disebabkan Encik Baba ingin berhijrah ke luar negara. Kedudukan kewangan Perkongsian Allba pada 31 Oktober 2013 adalah seperti berikut:

Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2013

	RM		RM
Kenderaan	30 000	Modal Ally	60 000
Perabot	7 400	Modal Baba	30 000
Alatan Pejabat	3 400		
Penghutang	9 080	Pemiutang	4 280
Stok	9 600	Kadar bayaran terakru	700
Pelaburan	5 500		
Bank	30 000		
	94 980		94 980
	94 980		94 980

Perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Kenderaan direalis pada harga RM28 000.
- (ii) Perabot dan stok dijual pada harga RM15 000.
- (iii) Pelaburan diambil alih oleh Encik Baba pada harga RM6 000.
- (iv) Encik Ally bersetuju mengambil alih alatan bernilai RM3 000.
- (v) Baki penghutang telah dikutip kecuali RM200 dihapuskira sebagai hutang lapuk.
- (vi) Belanja realisasi sebanyak RM800 telah dibayar.
- (vii) Pemiutang dijelaskan sepenuhnya sebanyak RM4 000 dan kadar bayaran terakru dijelaskan sepenuhnya.
- (viii) Penerimaan dan pembayaran menggunakan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan jurnal untuk merekod penutupan semua akaun aset kecuali bank ke
Akaun Realisasi [3 markah]
- (b) Akaun Realisasi [10 markah]
- (c) Akaun Modal setiap pekongsi (berbentuk lajur) [5 markah]
- (d) Akaun Bank [7 markah]

Bahagian B
[40 markah]
Jawab dua soalan sahaja

- 4 (a) Buku Tunai Kedai Iyad menunjukkan baki yang berbeza daripada Penyata Bank pada 31 Mac 2014. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

Buku Tunai (ruangan Bank sahaja)

		RM			No Cek	RM
2014			2014			
Mac 3	Jualan	8 900	Mac 1	Baki b/b		3 411
8	Syarikat Khalish	820	5	Midah Enterprise	414037	6 400
10	Sewa	2 400	18	Insurans	414038	1 800
28	Farhan dan anak-anak	1 100	25	Komisen	414039	909
31	Baki h/b	2 900	30	Sewa	414040	3 600
		16 120				16 120
			Apr 1	Baki b/b		2 900

Penyata Bank

Tarikh	Urus niaga	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Jumlah (RM)
2014					
Mac 1	Baki b/b				(2 911)
19	Cek	414038	1 800		(4 711)
20	Cek	414037	6 400		(11 111)
21	Cek	414036	500		(11 611)
26	Simpanan			820	(10 791)
27	Cek	414039	900		(11 691)
30	Faedah Simpanan Tetap			103	(11 588)
30	Buku Cek		10		(11 598)
31	Simpanan			2 400	(9198)

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang dibayar pada 25 Mac 2014 telah tersalah catat nilainya dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 28 Mac 2014 dikembalikan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2014 (tanpa mengemaskini Buku Tunai). [8 markah]

4 (b) Kunci Kira-Kira Terap Enterprise pada 1 April 2014 adalah seperti berikut:

Terap Enterprise Kunci Kira-kira pada 30 April 2014			
	RM		RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		<u>Ekuiti Pemilik</u>	
Kenderaan	50 000	Modal	69 900
Perabot	13 500	Untung bersih	17 900
	63 500		87 800
<u>Aset Semasa</u>		<u>Liabiliti Semasa</u>	
Stok	12 000	Pemiutang	8 500
Penghutang	11 500		
Bank	9 300		
	96 300		96 300

Urus niaga yang berlaku sepanjang bulan April 2014 adalah seperti berikut;

- (i) Belian barang niaga secara kredit bernilai RM6 600 daripada Terap Enterprise
- (ii) Pemilik membawa masuk perabot peribadi bernilai RM1 500 untuk kegunaan perniagaan.
- (iii) 25% daripada stok dijual secara kredit kepada Perniagaan Sanai dengan harga RM5 700.
- (iv) Membayar pemiutang RM5 720 dengan cek dan terima diskaun RM 320.
- (v) Mengeluarkan cek bernilai RM750 untuk membayar sewa rumah kediaman pemilik.
- (vi) Sekeping cek yang diterima daripada penghutang bernilai RM550 dipulangkan oleh bank kerana tak laku.
- (vii) Menerima cek daripada penghutang berjumlah RM8 600.
- (viii) Membayar gaji pembantu kedai dengan cek RM900.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan seperti **Lampiran 1**.

[12 markah]

5 (a) Dhea Enterprise menjalankan perniagaan yang menjual tudung dan selendang di Bandar Perdana, Sungai Petani. Perniagaan ini telah menyediakan anggaran belanjawan bagi suku tahun berakhir 31 Disember 2014 seperti berikut:

i. Pada 1 Oktober 2014, perniagaan ini dijangka mempunyai baki-baki berikut:

	RM
Tunai di bank	15 000
Lengkapan	18 000

ii. Pada bulan Oktober 2014, perniagaan membeli sebuah van terpakai bernilai RM30 000 di mana pendahuluan sebanyak RM8 000 dibayar pada bulan Oktober dan baki nya dibayar dalam 10 kali ansuran mulai bulan Disember.

iii. Belian tunai pada bulan Oktober ialah RM18 000 dan belian untuk bulan-bulan berikutnya dianggarkan akan berkurangan sebanyak 5% daripada bulan sebelumnya.

iv. Jualan tunai untuk bulan Oktober adalah sebanyak RM22 000 dan akan bertambah sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya.

v. Pinjaman tanpa faedah daripada MARA sebanyak RM40 000 dijangka diterima pada bulan November. Bayaran balik pinjaman sebanyak RM667 sebulan bermula pada bulan Januari 2015.

vi. Sewa kedai dibayar RM300 sebulan dan dibayar setiap 2 bulan sekali bermula pada bulan Oktober.

vii. Kadar bayaran bulanan dianggarkan sebanyak RM330 dan dibayar pada akhir setiap bulan.

viii. Dhea Enterprise mempunyai 2 orang pekerja . Bayaran gaji sebanyak RM900 seorang dibuat pada akhir setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2014.

[12 markah]

5 (b) Perniagaan Idaman Sari mengendalikan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar bermula pada 1 April 2014. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebagai dana tunai runcit sebulan sekali, iaitu pada setiap awal bulan. Berikut adalah penggunaan wang pada bulan April 2014.

2014		RM
April 1	Menerima cek daripada Ketua Juruwang sebagai permulaan dana tunai runcit.	350
3	Membeli kertas A4 dan dakwat pencetak	66
9	Membeli alat pendingin hawa pejabat 1.5hp	1 600
11	Membeli pen, pensel dan fail	35
17	Membeli Setem dan membayar pos laju	28
25	Membayar gaji pembantu pejabat	1 000
28	Membayar upah membersih pejabat	80

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan bayaran balik pada 1 Mei 2014. Tunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat seperti **Lampiran 2**.

[8 markah]

6 (a). Di bawah adalah Buku Catatan Pertama Kedai Roti Softy yang beroperasi di Sungai Petani, Kedah untuk bulan Mac 2014.

JURNAL AM

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2014			RM	RM
Mac 1	Tunai		550	
	Bank		10 000	
	Alatan pejabat		2 000	
	Hisham Trading		900	
	Sally Enterprise		4 300	
	Myrul Sdn Bhd			2 000
	Modal			21 000
	(Baki-baki aset, liabiliti dan ekuiti pemilik)		<u>23 000</u>	<u>23 000</u>
28	Promosi			
	Belian		500	
	(ambil barang untuk promosi)			500

JURNAL BELIAN

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah
2014				RM
Mac 3	Myrul Sdn Bhd		123	13 000
31	Akaun Belian	Dt		13 000

JURNAL JUALAN

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah
2014				RM
Mac 10	Hisham Trading		321	9 000
15	Sally Enterprise		322	5 500
31	Akaun Jualan	Kt		14 500

JURNAL PULANGAN JUALAN

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah
2014				RM
Mac 14	Hisham Trading		2240	750
31	Akaun Pulangan Jualan	Dt		750

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Folio	Dis	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Dis	Tunai	Bank
2014				RM	RM	2014				RM	RM
Mac 1	Baki	b/b		550	10 000	Mac 6	Kadar bayaran			1 500	
8	Hisham Trading				4 500	10	Belian				2 300
24	Jualan			800		16	Sewa				1 000
27	Komisen			200		26	Myrul Sdn Bhd				7 000
29	Sally Enterprise		300		9 500	30	Gaji				1 800
						31	Baki	h/b		50	11 900
			<u>300</u>	<u>1 550</u>	<u>24 000</u>				<u>-</u>	<u>1 550</u>	<u>24 000</u>
Apr 1	Baki	b/b		50	11 900						

(a) Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun yang berikut:-

- Myrul Sdn Bhd [3 markah]
- Promosi [1 markah]
- Belian [3 markah]
- Jualan [2 markah]
- Pulangan jualan [1 markah]
- Komisen [1 markah]
- Kadar bayaran [1 markah]
- Sewa [1 markah]
- Diskaun diberi [1 markah]

[14 markah]

6 (b). YBK Berhad menerbitkan modal sebanyak 1 000 000 unit saham yang terdiri daripada 600 000 unit saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dan 400 000 unit saham keutamaan 6% bernilai RM2.00 setiap satu.

Kesemua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh. Lembaga Pengarah telah memutuskan perkara berikut:

- Membayar dividen interim sebanyak 4% bagi kedua-dua saham pada 15 Ogos 2013.
- Mengisytiharkan dividen akhir untuk pemegang saham biasa 5% pada 31 Disember 2013.

Anda dikehendaki menghitung:

- | | |
|-----------------------------|--------------|
| (i) Modal diterbitkan | [2 markah] |
| (ii) Jumlah dividen interim | [2 markah] |
| (iii) Jumlah dividen akhir | [2 markah] |

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN 2

BUKU TUNAI RUNCIT